

Sebar kefahaman, tradisi ilmu ASWJ bendung gerakan takfiri

Peringatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai bahaya budaya kafir-mengkafir sesama Muslim meskipun dibuat di atas pentas politik sebagai Presiden PKR, penting untuk diberikan perhatian oleh umat Islam di negara ini. Budaya itu atau lebih tepat lagi gejala berkenaan bukan sahaja membawa perpecahan ummah dan memberikan kesan negatif kepada keharmonian masyarakat berbilang kaum serta agama, bahkan menyemarakkan api ekstremisme dan radikalisme yang dibimbangi boleh dijadikan alasan untuk kelompok tertentu menumpahkan atau menghalalkan individu lain.

Gejala takfiri ini dirakamkan dalam sejarah dunia Islam dengan kewujudan golongan Khawarij yang menganggap selain mereka sebagai sesat, termasuk Sahabat Nabi SAW sehingga menghukumkan kafir kepada Khalifah ar-Rasyidin keempat, Saidina Ali Abi Talib RA dan Muawiyah Abu Suffian RA. Kewujudan golongan ekstrem sebegini terus berlaku sekarang seperti militan Daesh yang sanggup melanggar prinsip Islam dengan keyakinan serta tindakan melampau mereka untuk mencapai matlamat sempit mereka, malah berusaha menyebarkan pengaruh termasuk ke negara ini dengan pelbagai cara seperti media sosial.

Hakikatnya, Malaysia sebagai negara memaktubkan Islam sebagai agama rasmi dalam Perlembagaan Persekutuan mengamalkan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) yang antara ciri wasatiah atau kesederhanaan signifikan, iaitu tidak mudah mengkafirkan seseorang yang mengucap dua kalimah syahadah, sebaliknya menyerahkan urusan menentukan status akidah seseorang sekiranya diragui kepada pemerintah atau Mahkamah Syariah seperti ditegaskan Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor. Apatah lagi sekiranya ia hanya membabitkan sokongan atau keahlian dalam parti politik mahupun pertubuhan yang hanya meletakkan nama Islam tidak boleh dijadikan asas menghukum pegangan seseorang.

Justeru, kita meminta semua pihak termasuk parti politik supaya tidak memanipulasi isu agama sehingga mudah mengkafirkan sesiapa yang tidak sependapat atau berselindung di sebalik tuduhan dengan label yang boleh membawa kepada gejala takfiri semata-mata mahu mencari pengaruh. Kita tidak mahu insiden yang pernah berlaku dalam sejarah politik tanah air seperti solat dua imam dalam satu kariah dan mengharamkan penyokong daripada makan daging sembelihan orang Islam lain kerana berlainan parti berulang hingga boleh memecahbelahkan kesatuan umat Islam yang bukan mudah untuk dibina.

Kita meyakini gejala takfiri ini boleh dibendung bukan sahaja melalui penguatkuasaan Undang-undang sama ada pihak berkuasa agama negeri mahupun polis, malah lebih penting melalui pendidikan formal dan tidak formal di masjid dan surau atau institusi pondok berasaskan tradisi ilmu ASWJ. Kefahaman Islam berdasarkan aliran majoriti umat Islam di dunia dan negara ini sudah terbukti bukan sahaja dapat memperkukuhkan akidah ummah, bahkan mengelak daripada terjerumus sama ada kepada ekstrem kiri seperti liberalisme dan pluralisme mahupun ekstrem kanan umpamanya aliran takfiri dan gejala kafir-mengkafir.